



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/07/2017C

Mahathir hanya umpan raih undi Melayu

UM - 30/7/2017 pg. 15

LANGKAWI 29 Julai - Peranan dimainkan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam barisan kepimpinan Pakatan Harapan diketuai DAP tidak lebih hanya untuk menjadi 'umpan' bagi meraih undi orang Melayu dalam pilihan raya umum akan datang.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil berkata, perkara itu bukan sesuatu yang sukar untuk diteleh ketika pembangkang kian rakus menggunakan semua kesempatan dan ruang yang ada untuk memperdaya rakyat demi mesejhasikan agenda politik individu tertentu.

"Disebabkan itu, kita tak perlu percaya dengan 'drama' yang cuba dicipta pembangkang kononnya Mahathir akan menjadi Perdana Menteri sementara sekiranya mereka memenangi pilihan raya umum akan datang.

"Semua itu hanya khayalan semata-mata kerana amat jelas dalam setiap keputusan diambil pakatan tersebut, ia akan dimuktamadkan oleh Lim Kit Siang serta DAP dan disebabkan terlalu banyak sejarah hitam antara Mahathir dengan pemimpin pembangkang yang lain, saya tak fikir Kit Siang, Lim Guan Eng mahupun Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membenarkan Mahathir kembali menjadi Perdana Menteri walaupun hanya sementara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Wanita UMNO Bahagian Langkawi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LICC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua UMNO Bahagian, Datuk Ir. Nawawi Ahmad; timbalannya, Datuk Mohd. Rawi Abd. Hamid serta Ketua Wanita UMNO, Hisham Subaily Othman.

Mengulas lanjut, Shahrizat berkata, berdasarkan kedudukan DAP yang mempunyai kerusi Parlimen terbanyak dalam pakatan tersebut, beliau percaya bahawa keputusan terakhir mengenai siapa individu yang akan diangkat menjadi Perdana Menteri akan diputuskan oleh Kit Siang.

"Perlu disedari, pemimpin 'de facto' pakatan tersebut ketika ini adalah Lim Kit Siang dan bukannya Mahathir. Kalau Mahathir menang bertanding di mana pun, yang jadi Perdana Menteri bukan dia, sebaliknya negara kita akan dipimpin oleh Kit Siang dan anaknya dari DAP," tambahnya.



SHAHBIZAT ABDUL JALIL bersama perwakilan Wanita UMNO Bahagian Langkawi melautkan Hidup UMNO selepas perasmian persidangan perwakilan Wanita UMNO bahagian itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi, semalam. - MINGGUAN/ISMAIL YAMADIN